

Rakyat tak perlu bimbang

Kerajaan negeri hanya pilih lombong berisiko rendah, akan dirawat dahulu

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor pastinya telah mengkaji secara terperinci sampel kandungan air dari bekas lombong sebelum disalurkan ke paip pengguna.

Pensyarah Pengurusan Alam Sekitar Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azizi Muda berkata, oleh demikian rakyat tidak perlu bimbang tentang pelan baharu bagi menambahkan bekalan air di negeri itu.

Beliau berkata, agensi yang dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) telah mengkaji dan memilih lombong yang berisiko rendah.

"Lagipun tidak ada masalah guna air lombong kerana disalurkan ke Empangan Sungai Selangor dulu kemudian lepas ke loji rawatan sebelum ke paip pengguna.

"Air yang disedut bukanlah dari dasar lombong yang tinggi kandungan arse-

nik, logam berat dan toksik kerana lombong yang dikenal pasti potensinya ialah opsyen terbaik," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Bagaimanapun, Dr Azizi mengingatkan syarikat konsesi air, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) dan Luas untuk melakukan pemantauan menyeluruh dan terperinci di loji pembersihan bagi memastikan kandungan logam berat berbahaya dinyahkan sepenuhnya.

"Bila lombong bijih timah lama tak digunakan, bahan logam berat dan arsenik akan mendap ke bawah dan sekarang paip dimasukkan kelodak itu akan naik.

"Kalau nak sedut jangan ambil lapisan bawah, yang terbaik ialah bahagian tengah kolam yang tidak ada kelodak dan bahan terapung," katanya.

Beliau menjelaskan, pengepaman air dari Lombong Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya ke muka sauk Sungai Selangor

tidak berbahaya kepada pengguna kerana ia kawasan paya gambut.

Katanya, walaupun ada kandungan organik dan air tidak jernih, namun memandangkan saiz dan kedudukan lombong jauh dari aktiviti komersial, ia kurang berisiko berbanding lombong tinggal yang terletak di bandar.

Dalam perkembangan sama, Profesor Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail meminta kajian terperinci kandungan air dari bekas lombong wajar diperiksa keselamatannya terutamanya untuk diminum kerana kemungkinan wujud bahan seperti logam berat seperti plumbum dan arsenik.

"Kalau dirawat dengan selamat ikut prosedur rawatan air minuman, ia boleh diminum. Kerana daripada prosedur rawatan berkenaan dapat mengetahui paras logam berat yang terkandung," katanya.



Pengepaman air dari Lombong Kampung Hang Tuah ke muka sauk Sungai Selangor tidak berbahaya kerana ia kawasan paya gambut.